

PENDERAAN HAIWAN MESTI DIHENTIKAN

Oleh: Nurul Ain binti Suhaimi, 1172546

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020

Peningkatan kes penderaan tidak hanya berlaku kepada kanak-kanak, malah haiwan turut menjadi mangsa manusia durjana tanpa belas kasihan.

Sejak kebelakangan ini, isu penderaan haiwan semakin berleluasa dalam kalangan segelintir rakyat Malaysia yang semakin merosot nilai perikemanusiaan terhadap haiwan yang tidak berdosa.

Haiwan dianggap sebagai saluran melepaskan kemarahan dan tekanan hidup yang dihadapi oleh mereka.

Penderaan tidak hanya berlaku kepada haiwan jalanan, malah haiwan peliharaan turut menjadi mangsa manusia yang tidak berhati perut.

Pelbagai bentuk penderaan dilakukan terhadap haiwan yang tidak berdosa seperti dikurung tanpa makanan, dipukul, diikat, ditendang dan disimbah asid.

Paling menyayat hati anggota badan seperti kaki dan tangan dipotong, lalu dibiarkan di tepi jalan tanpa belas kasihan.

Lebih malang lagi, haiwan tersebut terpaksa menanggung penderitaan dan kesakitan sebelum menemui ajal.

Kekejaman terhadap haiwan telah lama berleluasa malah tindakan kerajaan menguatkuasakan undang-undang seperti ‘mencurah air ke daun keladi’.

Manusia seolah-olah tidak takut tentang tindakan yang bakal dihadapi jika disabitkan kesalahan melakukan penderaan terhadap haiwan.

Pelbagai undang-undang diwujudkan bagi melindungi hak-hak haiwan seperti Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Akta ini bertujuan untuk memastikan pemilik bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan mereka.

Penguatkuasaan undang-undang ini boleh menyebabkan hukuman seperti denda antara RM10,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun jika didapati bersalah.



Masyarakat juga sepatutnya bersikap lebih prihatin terhadap haiwan jalanan. Kebajikan haiwan jalanan seperti anjing dan kucing juga perlu dijaga dan diberi perlindungan memandangkan kes penderitaan haiwan-haiwan ini turut meningkat.

Sebagai contoh, pernah berlaku kes seekor kucing dipotong kedua-dua tangannya akibat didapati mencuri ikan daripada seorang penjual ikan.

Kesalahan yang dilakukan tidaklah seberat mana tetapi kucing itu dihukum dengan begitu kejam dan menyebabkan kecacatan kekal kepada haiwan tersebut.

Apalah salahnya jika kita berkongsi rezeki bersama haiwan yang hanya mahu mencari makan dan tidak punya akal fikiran.

Selain itu, terdapat juga sebilangan manusia yang menyalah guna dan mengambil kesempatan menjual haiwan tanpa lesen yang sah.

Perbuatan ini dibongkar oleh pihak berkuasa dengan penemuan hampir 100 ekor haiwan pelbagai jenis seperti anjing, kucing, angsa, burung dan ayam yang dikurung di dalam sebuah sangkar kecil di sebuah banglo.

Haiwan-haiwan tersebut dikurung dalam sangkar yang sempit tanpa diberikan makanan sebelum diseludup dan dijual ke negara jiran.

Ini merupakan penemuan yang terbesar dan paling buruk di Malaysia. Haiwan-haiwan tersebut telah diberikan rawatan rapi dan perlindungan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



Haiwan juga perlu diberikan perlindungan yang sempurna, kebebasan hidup dan mendapat kasih sayang daripada manusia.

Haiwan juga memiliki perasaan yang serupa seperti manusia. Yang jelas, penderaan haiwan perlu dihentikan segera.

Kesedaran masyarakat untuk menghalang penderaan adalah sangat diperlukan. Janganlah kita menutup sebelah mata seolah-olah tiada apa yang berlaku hanya kerana yang didera itu seekor haiwan.

Mereka juga berhak mendapatkan pembelaan daripada manusia yang dikurniakan akal dan fikiran yang sempurna.